

ASADIN INJECTION

Arsenic Trioxide (1mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *ASADIN Injection*
2. Bagaimana *ASADIN Injection* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *ASADIN Injection*
4. Cara menggunakan *ASADIN Injection*
5. Semasa menggunakan *ASADIN Injection*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *ASADIN Injection*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *ASADIN Injection*

ASADIN Injection digunakan untuk merawat sejenis leukemia (kanser sel-sel darah) yang dikenali sebagai *acute promyelocytic leukemia* (APL).

Bagaimana *ASADIN Injection* berfungsi

Arsenic Trioxide menyebabkan kematian sel-sel leukemia *promyelocytic*. Arsenic Trioxide juga menyebabkan kemusnahan protein abnormal yang menyebabkan leukemia.

Sebelum menggunakan *ASADIN Injection*

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Anda tidak harus menerima ubat ini jika anda mempunyai reaksi alahan kepada arsenik, atau jika anda hamil.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan mengambil *ASADIN Injection* jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau fikir anda mungkin mengandung. Penggunaan ubat ini semasa anda hamil boleh membahayakan bayi dalam kandungan anda. Gunakan cara pencegahan kehamilan yang berkesan untuk mengelakkan kehamilan. Jika anda telah hamil ketika menggunakan ubat, beritahu doktor anda dengan segera.

ASADIN Injection didapati dalam susu ibu.

Jangan mengambil *ASADIN Injection* jika anda sedang menyusukan bayi. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum menggunakan ASADIN Injection*

Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat kanser boleh menyebabkan banyak kesan sampingan. Sila beritahu doktor anda jika anda mengalami -demam, kesukaran bernafas atau kenaikan berat badan yang tidak diketahui puncanya -ketidakseimbangan elektrolit

Doktor anda akan menjalankan ujian darah dan ECG yang kerap untuk anda. Sila bertanya kepada doktor anda dan memahami semua risiko dan faedah sebelum menerima ubat ini. Adalah penting bagi anda untuk berhubung rapat dengan doktor anda semasa rawatan anda.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor anda jika anda sedang menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *ASADIN Injection*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Doktor anda akan menetapkan dos yang tepat dan memberitahu anda berapa kerap ia perlu diberikan. Ubat ini diberikan melalui jarum yang dimasukkan di salah satu saluran darah anda. Ubat ini biasanya diberikan secara perlahan-lahan, jadi jarum akan kekal di tempat untuk 2-4 jam. Dalam beberapa kes, pemberian setiap dos ubat ini mungkin mengambil masa sehingga 4 jam.

- *Bila perlu digunakan*

Anda akan menerima ubat ini semasa anda berada di hospital atau pusat rawatan kanser. Seorang jururawat atau ahli profesional kesihatan terlatih yang lain akan memberikan ubat kepada anda. Ia juga boleh diberikan oleh seorang penjaga kesihatan di

rumah setelah ditetapkan oleh doktor anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan *ASADIN Injection* untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ubat ini akan diberikan mengikut jadual yang tetap. Jika anda tertinggal satu dos, hubungi doktor anda, penjaga kesihatan di rumah, atau klinik rawatan untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika terambil terlalu banyak dos, hubungi doktor anda atau pusat kawalan racun, atau pergi ke bilik kecemasan yang terdekat.

Dapatkan bantuan kecemasan dengan segera jika mana-mana gejala terlebih dos berikut berlaku:

- Kekeliruan
- Sawan
- Kelemahan otot

Semasa menggunakan *ASADIN Injection*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Tanya doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan mana-mana ubat-ubatan lain, termasuk ubat *over-the-counter*, vitamin, dan produk herba. Pastikan doktor anda tahu jika anda juga menggunakan

- diuretik (pil air)
- amphotericin B
- ubat untuk masalah degupan jantung (seperti thioridazine)

Pastikan doktor anda tahu jika anda mempunyai penyakit buah pinggang, penyakit jantung, atau sejarah masalah degupan jantung. Doktor anda perlu memeriksa perkembangan anda dengan lawatan yang tetap semasa anda menggunakan ubat ini. Pastikan anda menepati semua janji temu.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan memberi *ASADIN Injection* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Kesan-kesan sampingan

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami kesan-kesan sampingan berikut:

- Reaksi alahan: gatal atau geligata, bengkak di muka atau tangan, bengkak atau rasa sesemut dalam mulut atau tekak, kesesakan dada, kesukaran bernafas
- Demam
- Denyutan jantung tidak teratur
- Pendarahan luar biasa atau lebam

Jika anda mempunyai kesan-kesan sampingan berikut yang kurang serius, berbincang dengan doktor anda.

- Batuk
- Sakit kepala
- Sakit otot, sendi, atau tulang
- Loya, muntah
- Kekeringan kulit atau gatal-gatal
- Sakit perut
- Keletihan

SILA BERITAHU DOKTOR ANDA JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG KESAN SAMPINGAN LAIN YANG ANDA FIKIR ADALAH DISEBABKAN OLEH UBAT INI.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *ASADIN Injection*

- Penyimpanan

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada label. Sila simpan di bawah 30°C dan lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

ASADIN Injection diformulasi sebagai cecair suntikan Arsenic Trioxide yang jernih dan tidak berwarna. Setiap mL mengandungi 1mg Arsenic Trioxide.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Arsenic Trioxide 1mg/ml
- Bahan tidak aktif:
Acetic Acid, Edetate Disodium, Sodium Hydroxide

- Nombor MAL

MAL20071712AZ

Pengilang

TTY Biopharm Company Limited
838, Chung Hwa Rd., Sec. 1,
Chungli Dist., Taoyuan City,
32069, Taiwan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharm-D Sdn. Bhd. (535448-K)
8B, Jalan 1/137C,
Bedford Business Park,
Off Jalan Kelang Lama,
58000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/2/2017

Nombor siri:

BPFK(R4/1)240217/00004